

Newspaper	Berita Harian
Date	10/11/2012

Siti Hasmah yakin teater dapat direalisasi

BH-10/11/12

Kuala Lumpur: Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengakui gementar menanti bermulanya Teater Muzikal Tun Hasmah (TMTH) di Istana Budaya di sini, malam tadi.

Bagaimanapun, Isteri mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad itu berkata, beliau yakin teater kisah hidupnya dapat direalisasikan sebaik mungkin berdasarkan kesungguhan pelakon, pengarah, penari dan semua kru belakang tabir menjayakannya.

“Macam anda semua, saya juga gementar tetapi buang perasaan itu jauh-jauh. Malah, saya pasti ia akan berlangsung dengan baik.

“Saya kagum dengan kesungguhan produksi terutama penerbit teater, Datuk Paduka Khairuddin Abu Hassan yang memujuk untuk membawa kisah saya ke pentas, sedangkan tiada apa yang boleh ditonjolkan mengenai saya.

“Kisah hidup saya panjang tetapi paling penting, saya ingin berkongsi pengalaman berkhidmat demi negara,” katanya ketika menyaksikan sesi latihan terakhir TMTH di sini, semalam.

Teater menggandingkan Eja dan Lisa Surihani sebagai teraju utama itu diadakan di Istana Budaya mulai semalam hingga 19 November ini.